

# Nangis tidak cukup wang

FOTO | Eizairi Samsudin

&gt;&gt;Oleh SYARIFAH DAYANA SYED BAKRI

dayana@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Walaupun pernah putus asa untuk menyambung pengajian kerana kesempitan wang, namun dorongan bapa dan menyedari tanggungjawab sebagai anak sulung, dia tekad meneruskan pengajian sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Mazidah Mamat, 33, pemegang Ijazah Doktor Falsafah Kimia Bahan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pernah menangis kerana tidak cukup wang untuk membayar yuran pengajian dan tidak sampai hati untuk meminta daripada bapa yang bekerja sebagai pemandu bas.

"Saya pernah menangis kerana kasihankan ibu bapa. Ibu tidak bekerja dan bapa hanya memandu bas. Saya pernah terfikir untuk berhenti belajar kerana tidak mahu membebankan ibu bapa lagi," katanya ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen UPM ke-33, semalam.

Menurutnya, bapa banyak memberi dorongan dan meyakinkannya bahawa anak sulung perlu menjadi contoh terbaik untuk adik.

"Sebagai anak sulung, menjadi tanggungjawab saya untuk memberi teladan baik kepada adik. Justeru, saya mengambil keputusan menangguhkan pengajian dan bekerja untuk mencari duit bagi membayar yuran," katanya.

Anak sulung daripada sembilan beradik itu yang kini bertugas sebagai pensyarah kimia di institusi pengajian tinggi meng-



**CEMERLANG...** Mazidah (tengah) meraikan kejayaan bersama (dari kiri) ibu, Rohimah Che Ngah; suami, Mohd Aidil Adha Abdullah; Mohd Noor Fazli dan ayah, Mamat Mat Ali, semalam.

anggap kejayaannya sebagai hadiah paling berharga buat ibu bapa.

"Walaupun mengambil masa enam tahun untuk menamatkan pengajian, namun ia berbaloi kerana saya dapat membuktikan kepada ibu bapa dan adik.

"Kami datang daripada keluarga susah, namun tetap boleh berjaya seperti orang lain," katanya yang turut meraikan majlis konvokesyen bersama adiknya, Mohd Noor Fazli Mamat, 24, graduan Kejuruteraan Mekanikal.

Sementara itu, penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Bumi-putera), Yussyafiqah Yunus, 22, berkata menghormati pensyarah adalah faktor utama yang mampu membantu pelajar meraih kejayaan.

"Saya berpegang dengan prinsip hormat kepada pensyarah kerana mereka adalah guru dan menjalankan tugas mendidik. Jika rasa cara seseorang pensyarah itu mengajar tidak menarik, jangan kutuk, sebaliknya terima saja cara mereka," katanya.

Menurutnya, keadaan ibu bapa yang tidak berpendidikan tinggi juga membuatkannya berusaha keras untuk menempa kejayaan dalam pelajaran.

"Ibu bapa saya tidak berpeluang ke universiti dan saya mahu mereka berbangga dengan kejayaan anak. Saya bertanggungjawab menunaikan hasrat mereka," katanya.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengguna dari Faikulti Ekologi Manusia itu mem-

peroleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.909 berjaya mendapat Anugerah Dekan setiap semester.

"Walaupun kursus ini bukan pilihan utama ketika membuat permohonan dulu, saya umpama jatuh cinta dan seronok serta menetapkan sasaran untuk memperoleh sekurang-kurangnya PNGK 3.75 setiap semester," katanya.

Mereka antara 7,957 graduan yang menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 yang akan berakhir 11 Ogos ini.

Turut sama menerima penghargaan adalah bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian.